



KBAT

EKSTRA

IDEA >>>

Tingkah laku baik dan betul

Mengikut peraturan

1. Gambar di bawah menunjukkan suasana di kantin sekolah.

KBAT
Menilai

Berikan **lima** contoh tingkah laku bermoral dan **lima** contoh tingkah laku tidak bermoral yang mungkin dapat anda lihat di kantin sekolah.



Tingkah laku bermoral di kantin

- Beratur semasa membeli makanan
- Meletakkan pinggan mangkuk yang digunakan ke dalam besen yang disediakan
- Duduk di tempat yang disediakan
- Membuang sampah ke dalam tong sampah
- Menutup paip air selepas mencuci tangan

Tingkah laku tidak bermoral di kantin

- Berebut-rebut semasa membeli makanan
- Berbuat bising seperti menjerit-jerit
- Membazir makanan dan minuman
- Duduk secara tidak sopan
- Meninggalkan pinggan mangkuk yang digunakan di atas meja

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Keratan akhbar di bawah menunjukkan kegiatan mat rempit dalam kalangan remaja.



IDEA >>> Lumba haram | Merempuh sekatan | Langgar lampu isyarat

1. Senaraikan tindakan menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh mat rempit.

KBAT
Menilai

- (a) [Menunggang motosikal melebihi had laju yang ditetapkan](#)
- (b) [Melarikan diri apabila sekatan jalan raya dijalankan](#)
- (c) [Menyertai lumba haram](#)
- (d) [Melanggar lampu isyarat](#)

IDEA >>> Pengaruh rakan | Kurang didikan moral | Masalah keluarga

2. Nyatakan punca-punca remaja terlibat dalam kegiatan mat rempit.

KBAT
Menilai

- (a) [Pengaruh rakan sebaya](#)
- (b) [Kurang didikan agama dan moral](#)
- (c) [Ingin mendapatkan keseronokan](#)

IDEA >>> Menjejaskan imej diri dan keluarga

3. Huraikan kesan penglibatan remaja dalam kegiatan mat rempit.

KBAT
Menilai

- (a) [Imej diri terjejas](#)
- (b) [Keselamatan diri terancam](#)
- (c) [Ditangkap oleh pihak polis](#)



4. Cadangkan peranan pihak berikut untuk menangani masalah mat rempit dalam kalangan remaja.

KBAT

Mengaplikasi

- (a) Ibu bapa: Menasihati anak-anak supaya tidak mudah terpengaruh oleh rakan dan memantau kegiatan anak-anak
- (b) Masyarakat: Melaporkan kegiatan mat rempit kepada pihak polis
- (c) Kerajaan: Menjalankan sekatan jalan raya dan melakukan pemantauan dengan lebih kerap


(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Gambar berikut menunjukkan perarakan pelbagai agama di Malaysia.



IDEA >>>

Mengawal lalu lintas

Menjaga keselamatan

1. Bagaimanakah pihak kerajaan mempraktikkan hidup beragama atau berkepercayaan semasa perarakan pelbagai agama?

KBAT
Menilai

- Menutup beberapa laluan jalan raya untuk menjalankan perarakan
- Membantu menjaga keselamatan penganut agama semasa perarakan
- Membenarkan penganut agama untuk menjalankan perarakan

IDEA >>>

Bertolak ansur

Tidak mengejek atau menghina

2. Sebagai rakyat yang hidup dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan agama, bagaimanakah anda menghormati amalan keagamaan orang lain?

KBAT
Mengaplikasi

- Tidak menghina dan mengejek amalan keagamaan yang lain
- Memberikan ruang kepada penganut agama lain untuk melakukan amalan agama mereka
- Tidak mengganggu penganut agama lain melakukan amalan agama mereka
- Bekerjasama melicinkan perjalanan sambutan perayaan sesuatu kaum

IDEA >>>

Kesejahteraan bersama

Mengeratkan hubungan

Menjamin perpaduan

3. Mengapakah kita perlu menghormati amalan keagamaan orang lain?

- Mengelakkan perpecahan antara kaum
- Mengeratkan hubungan silaturahim
- Menjamin keharmonian hidup
- Menjamin pembangunan negara

(Terima mana-mana jawapan lain yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Yamin mengetahui potensi dirinya dalam bidang perubatan sejak kecil lagi. Dia gemar melibatkan diri dalam aktiviti yang berkaitan dengan bidang perubatan seperti rawatan kecemasan. Yamin bercita-cita untuk menjadi doktor. Oleh itu, dia telah merancang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan setelah menamatkan pelajaran di sekolah menengah.

1. Nyatakan **dua** sikap yang perlu ada pada Yamin untuk mencapai cita-citanya sebagai doktor.

KBAT
Menilai

(a) Gigih berusaha

(b) Tidak mudah putus asa

IDEA >>>

Tabah dan cekal

Membaiki kelemahan diri

2. Huraikan **dua** cara yang boleh dilakukan oleh Yamin dalam menghadapi cabaran bagi mencapai cita-citanya.

KBAT
Mengaplikasi

(a) Tabah menempuh cabaran dan tidak mudah berputus asa

(b) Sentiasa membaiki kelemahan dan menyerlahkan potensi diri

IDEA >>>

Mengembangkan potensi

Mendalami minat

3. Jelaskan kebaikan yang diperoleh Yamin apabila dia membuat perancangan kerjaya.

KBAT
Menilai

• Dapat mendalami minat dan kebolehan diri

• Dapat memilih kerjaya yang diminati

• Dapat mencapai matlamat hidup seperti yang dirancang

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Seorang warga emas yang berumur 70 tahun berasa amat sedih kerana anak-anaknya telah meninggalkannya di rumah orang tua dan mereka juga tidak mengunjunginya selama beberapa bulan.

IDEA >>>

Tanggungjawab

Membalas jasa dan pengorbanan

1. Sanggupkah anda meninggalkan ibu bapa anda untuk tinggal di rumah orang tua? Berikan alasan anda.

KBAT

Mengaplikasi

- Tidak sanggup
- Menjaga ibu bapa merupakan tanggungjawab saya
- Ibu bapa membesarkan saya dengan penuh kasih sayang
- Sebagai anak, saya harus menghargai dan membalas jasa dan pengorbanan ibu bapa

IDEA >>>

Kesibukan

Dianggap beban

Pilihan ibu bapa

2. Mengapakah terdapat anak-anak yang menghantar ibu bapa mereka tinggal di rumah orang tua?

KBAT

Menganalisis

- Sibuk bekerja
- Kurang didikan agama dan moral
- Anak-anak menganggap ibu bapa sebagai beban
- Ibu bapa memilih untuk tinggal di rumah jagaan orang tua

IDEA >>>

Sedih

Kecewa

Tekanan perasaan

3. Jelaskan kesan apabila anak-anak menghantar ibu bapa mereka tinggal di rumah orang tua.

KBAT

Menilai

- Ibu bapa berasa sedih
- Ibu bapa mengalami tekanan perasaan
- Anak-anak mengabaikan tanggungjawab mereka kepada pusat jagaan orang tua



4. Senaraikan **tiga** sebab anak-anak perlu menjaga ibu bapa yang sudah tua dan uzur.



- (a) Untuk membalas jasa ibu bapa yang telah membesarkan anak-anak dengan penuh kasih sayang
- (b) Menjaga ibu bapa yang sudah tua dan uzur merupakan tanggungjawab seorang anak
- (c) Untuk mentaati ibu bapa yang telah banyak berkorban demi anak-anak

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Foto di bawah menunjukkan masalah disiplin yang dilakukan oleh murid.



IDEA >>>

Kurang didikan agama

Terpengaruh oleh rakan-rakan

1. Huraikan faktor-faktor yang mendorong seseorang murid terlibat dalam masalah disiplin.

KBAT

Menganalisis

- Kurangnya didikan agama dan moral
- Mudah terpengaruh oleh rakan-rakan
- Kurangnya kasih sayang daripada ibu bapa
- Ibu bapa mengabaikan anak-anak akibat sibuk mencari rezeki

IDEA >>>

Perjumpaan

Hukuman berat

2. Bagaimanakah pihak sekolah dapat menangani masalah disiplin dalam kalangan murid?

KBAT

Mengaplikasi

- Mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa untuk membincangkan masalah disiplin yang dilakukan oleh murid
- Mengenakan hukuman yang lebih berat seperti hukuman gantung sekolah

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Gambar di bawah menunjukkan perbuatan vandalisme di sekolah.



1. Nyatakan **dua** nilai universal yang patut diamalkan oleh murid-murid berdasarkan gambar di atas.

KBAT
Menilai

- Nilai rasional
- Nilai harga diri

IDEA >>>

Pengarah rakan

Perasaan tidak puas hati

2. Apakah faktor yang mendorong murid-murid melakukan perbuatan vandalisme?

KBAT

Menganalisis

- Pengaruh rakan sebaya
- Sebagai cara meluahkan perasaan tidak puas hati

IDEA >>>

Meningkatkan perbelanjaan

Mencacatkan pemandangan

Suasana tidak selesa

3. Berikan **dua** kesan perbuatan vandalisme terhadap sekolah.

KBAT

Menganalisis

- (a) Meningkatkan perbelanjaan pihak sekolah bagi memperbaiki peralatan yang rosak
- (b) Mencacatkan pemandangan / Menyebabkan ketidakselesaan dalam kalangan warga sekolah

IDEA >>>

Hukuman dan denda

Kempen kesedaran

4. Apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk menangani masalah vandalisme dalam kalangan murid?

KBAT

Menilai

- Mengenakan hukuman yang lebih berat
- Mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan menjauhi perbuatan vandalisme

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Foto di bawah menunjukkan bilangan kenderaan yang banyak di jalan raya.



IDEA>>>

Asap kenderaan

Pencemaran udara

1. Bagaimanakah peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya dapat menjejaskan alam sekitar?

KBAT
Menilai

- Kenderaan bermotor membebaskan pelbagai gas pencemar yang berbahaya kepada alam sekitar
- Pelepasan gas-gas pencemar menyebabkan pencemaran udara/ kualiti udara terjejas

IDEA>>>

Bising

Masalah kesihatan

2. Nyatakan **dua** kesan peningkatan jumlah kenderaan di jalan raya terhadap manusia.

KBAT
Menilai

- (a) Bunyi bising kenderaan mengganggu penduduk setempat
- (b) Pelepasan gas-gas pencemar menyebabkan masalah kesihatan seperti masalah pernafasan

Perkongsian kenderaan dapat menjaga alam sekitar.

IDEA>>>

Mengurangkan asap kenderaan

3. Setujukah anda dengan pernyataan tersebut? Berikan alasan anda.

KBAT
Mencipta

- Setuju
- Perkongsian kenderaan akan mengurangkan jumlah gas-gas pencemar yang dibebaskan oleh kenderaan ke atmosfera
- Perkongsian kenderaan akan mengurangkan masalah alam sekitar yang lain seperti kesan rumah hijau dan penipisan lapisan ozon

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Keratan akhbar di bawah berkaitan dengan kerja kebajikan.



1. Senaraikan **dua** nilai yang diamalkan oleh mereka yang terlibat dalam kerja kebajikan.

KBAT
Menilai

(a) [Nilai rasional](#)

(b) [Nilai kerjasama](#)



Membantu mangsa bencana alam

Menyertai program amal

2. Berikan contoh-contoh kerja kebajikan yang boleh disertai oleh golongan remaja.

- [Membantu mangsa bencana alam seperti banjir dan kebakaran](#)
- [Menyertai program amal di pusat penjagaan orang kurang upaya, rumah anak yatim, rumah orang tua dan pusat perlindungan pesakit HIV](#)
- [Menyertai program Ziarah Amal Hospital](#)



Meringankan beban

Memupuk sikap prihatin

Mengeratkan hubungan

3. Jelaskan kebaikan yang diperoleh daripada aktiviti kebajikan.

- [Memupuk sifat prihatin terhadap orang lain](#)
- [Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan](#)
- [Mengetahui perkembangan yang berlaku dalam masyarakat](#)
- [Memupuk kerjasama dan perpaduan](#)
- [Meringankan beban golongan yang memerlukan bantuan](#)


(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Gambar di bawah menunjukkan penggunaan gajet elektronik dalam kalangan anggota keluarga semasa makan di meja makan.



IDEA >>>

Menjamin keharmonian

Hormat

1. Senaraikan **dua** kepentingan mematuhi etiket di meja makan.

KBAT
Menilai

(a) Menjamin keharmonian hidup dalam keluarga

(b) Menunjukkan perasaan hormat kepada anggota keluarga

IDEA >>>

Menyinggung perasaan

Mengurangkan interaksi

Menjejaskan hubungan

2. Berikan **tiga** kesan jika etiket tersebut tidak dipatuhi.

KBAT
Menilai

(a) Menjejaskan hubungan kekeluargaan

(b) Menyinggung perasaan anggota keluarga

(c) Mengurangkan interaksi antara anggota keluarga

IDEA >>>

Cara pemakanan

Penggunaan kutleri

3. Selain mengelakkan penggunaan gajet elektronik, berikan **tiga** cara mematuhi etiket di meja makan.

KBAT
Menganalisis

(a) Tidak makan dengan gelojoh

(b) Menggunakan kutleri dengan cara yang betul

(c) Mengunyah makanan dengan perlahan dan senyap

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Senarai berikut berkaitan dengan ketagihan yang membawa mudarat.

- Ketagihan arak
- Ketagihan berjudi
- Ketagihan Internet
- Ketagihan merokok

IDEA >>>

Masa depan

Imej

Hubungan

Keselamatan

Pembangunan

1. Senaraikan **dua** kesan ketagihan terhadap pihak berikut.

KBAT
Menilai

(a) Diri

(i) Masa depan yang gelap

(ii) Imej diri terjejas

(b) Keluarga

(i) Menjejaskan hubungan kekeluargaan

(ii) Berlakunya pergaduhan dalam keluarga

(c) Masyarakat

(i) Mengancam keselamatan masyarakat

(ii) Hidup dalam ketakutan dan kebimbangan

(d) Negara

(i) Pembangunan negara terbantut

(ii) Kehilangan generasi yang mampu memimpin negara

IDEA >>>

Jati diri

Ajaran agama

Menolak ajakan

2. Jelaskan **tiga** cara remaja dapat mengelakkan diri daripada ketagihan yang memudaratkan diri.

KBAT
Mengaplikasi

(a) Menguatkan jati diri

(b) Berpegang teguh kepada ajaran agama

(c) Menolak ajakan rakan yang bersifat negatif untuk mencuba sesuatu perkara baharu sehingga menyebabkan ketagihan

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Kes penculikan kanak-kanak pada masa ini semakin menjadi-jadi. Masyarakat semakin hilang rasa kasih sayang dan tidak berperikemanusiaan terhadap kanak-kanak. Kebimbangan tidak pernah reda memikirkan keselamatan anak-anak.

IDEA >>>

Tebusan

Balas dendam

Dijual

1. Nyatakan **tiga** faktor yang menyebabkan kanak-kanak sering menjadi mangsa penculikan.

KBAT

Menganalisis

(a) Penculik ingin mendapatkan wang tebusan

(b) Penculik mahu membalas dendam terhadap ibu bapa kanak-kanak tersebut

(c) Penculik ingin menjadikan kanak-kanak tersebut sebagai buruh paksa di luar negara

IDEA >>>

Undang-undang

Hukuman

Mempertahankan diri

Nasihat

2. Jelaskan **dua** langkah yang perlu diambil oleh pihak berikut untuk mengatasi masalah penculikan kanak-kanak.

KBAT

Menilai

(a) Kerajaan

(i) Menguatkuasakan undang-undang secara tegas

(ii) Mengenakan hukuman yang lebih berat kepada penculik

(b) Ibu bapa

(i) Mengajar anak-anak tentang cara-cara mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penculikan

(ii) Menasihati anak-anak agar tidak bercakap dengan orang yang tidak dikenali

IDEA >>>

Mencatatkan maklumat

Laporan polis

3. Anda ternampak seorang kanak-kanak diculik oleh dua orang lelaki yang menaiki sebuah van. Nyatakan tindakan yang harus anda lakukan apabila berhadapan dengan situasi tersebut.

KBAT

Mengaplikasi

(a) Mencatatkan nombor pendaftaran van tersebut

(b) Membuat laporan kepada pihak polis

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



KBAT

EKSTRA

Berdasarkan pernyataan di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jai merupakan seorang penjawat awam. Semasa menjalankan tugas, dia telah menerima wang berjumlah RM40 000 untuk meluluskan tender yang ingin diperoleh sebuah syarikat. Selain itu, Jai juga didapati memberikan suapan sebanyak RM7 500 kepada pembuat keputusan untuk menaikkan pangkatnya.

IDEA>>> Menerima dan memberi rasuah

1. Apakah jenis kesalahan rasuah yang dilakukan oleh Jai?

KBAT
Menganalisis

- (a) Kesalahan meminta dan menerima rasuah - Jai menerima wang suapan daripada sebuah syarikat semasa menjalankan tugas sebagai penjawat awam
- (b) Kesalahan menawarkan dan memberikan rasuah - Jai memberikan suapan sebanyak RM7 500 kepada pembuat keputusan untuk mendapat peluang kenaikan pangkat

IDEA>>> Diri | Keluarga

2. Berdasarkan situasi di atas, nyatakan **tiga** kesan rasuah.

KBAT
Menganalisis

- (a) Nama baik diri dan keluarga tercemar
- (b) Dipandang rendah oleh masyarakat
- (c) Dikenakan hukuman penjara dan denda

IDEA>>> Tamak | Kelemahan

3. Mengapakah terdapat sesetengah individu yang sanggup memberikan dan menerima rasuah?

KBAT
Menilai

- Sikap tamak
- Ingin memperoleh kesenangan hidup tanpa bekerja keras
- Kurang didikan agama dan moral

IDEA>>> Nilai moral | Undang-undang

4. Apakah langkah-langkah yang dapat diambil untuk menghindari perbuatan rasuah dalam kalangan masyarakat?

KBAT
Mencipta

- Ibu bapa menerapkan didikan agama dan nilai-nilai moral dalam diri anak-anak
- Menerapkan konsep keagamaan dalam sektor pendidikan
- Menguatkuasakan undang-undang secara tegas
- Mengadakan kempen kesedaran tentang bahaya rasuah

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)